

11 FEB 2001  
Zam-Wartawan

WARTAWAN BEBAS BUAT LIPUTAN MENTERI DI MALAYSIA, KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Senator Datuk Zainuddin Maidin berkata dakwaan sesetengah pihak bahawa wartawan di negara ini tidak bebas membuat liputan menteri-menteri di Malaysia, adalah tidak benar.

Zainuddin atau lebih dikenali Zam berkata di Malaysia, orang ramai boleh melihat Perdana Menteri dan juga menteri-menteri lain dari semasa ke semasa sejak zaman kepimpinan terdahulu sehinggalah kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikelilingi para wartawan dari jarak dekat.

"Sebaliknya kalau di Britain, di Amerika Syarikat, kita boleh lihat Perdana Menteri Britain atau Presiden Amerika Syarikat, hanya ditemuramah oleh wartawan dari jarak jauh dan seolah-olah seperti mendengar ucapan presiden atau perdana menteri terbabit," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Menurutnya adalah tidak wajar dakwaan sedemikian dibuat berasaskan hanya wartawan portal berita internet Malaysiakini.com yang tidak dibenarkan menghadiri sebarang sidang media membabitkan menteri kabinet Malaysia.

"Malaysiakini tidak dibenarkan membuat liputan sidang media bukan kerana Malaysiakini kritikal kepada kerajaan tetapi kerana kredibilitinya diragui," katanya.

Zainuddin berkata laporan terbaru "Far Eastern Economic Review" bertarikh 8 Feb mengandungi temubual dengan penyangak matawang antarabangsa George Soros bertajuk "Levelling the Field" yang menyebut bahawa Malaysiakini ialah pertubuhan media yang menerima bantuan daripada "Open Society Fund" milik Soros, membuktikan kredibiliti Malaysiakini diragui.

Zainuddin mendakwa beliau juga mempunyai maklumat bahawa Ketua Pengarang Malaysiakini Steven Gan pernah bekerja dengan sebuah akhbar yang anti-kerajaan di negara ini.

Mengenai usaha memulau sesetengah akhbar dan media yang didakwa pro-kerajaan, Zainuddin berkata usaha itu dilihat tidak memberi kesan.

"Sekarang kita lihat penonton TV3 dan RTM telah meningkat dan penjualan akhbar-akhbar utama di negara ini juga telah meningkat, ini menunjukkan akhbar yang mempunyai wartawan yang beretika dan profesional akan terus mempunyai kredibiliti yang tinggi," katanya.

-- BERNAMA

MS ES LAT